



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 36 Tahun 2020

**PINDAAN PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 34 TAHUN 2020
BERKAITAN URUSAN KENAIKAN PANGKAT BAGI STAF BUKAN
AKADEMIK KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL SECARA
FLEKSI (TEMPOH PERKHIDMATAN) DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
BAGI GRED 44**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan pindaan Pekeliling Pendaftar Bilangan 34 tahun 2020 bagi urusan kenaikan pangkat staf bukan akademik Kumpulan Pengurusan dan Profesional secara fleksi (berdasarkan tempoh perkhidmatan) di UiTM bagi Gred 44.

LATAR BELAKANG

2. Majlis Sumber Manusia (MSM) dalam mesyuarat ke-47 pada 18 Jun 2020 bersetuju meluluskan cadangan pindaan kepada urusan kenaikan pangkat bagi staf bukan akademik Kumpulan Pengurusan dan Profesional secara fleksi berikutan pindaan penulisan waran dalam Surat Kementerian Kewangan Malaysia rujukan MOF.NBO.600-9/12/24 JD.3(5) bertarikh 11 Mac 2020 melalui Surat Kelulusan Perjawatan Bil. S38 Tahun 2020 yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2020.

3. Pekeliling Pendaftar Bilangan 34 Tahun 2020 berkaitan pindaan urusan kenaikan pangkat bagi staf bukan akademik kumpulan Pengurusan dan Profesional secara fleksi (tempoh perkhidmatan) di UiTM telah dikeluarkan pada 27 Julai 2020 dan berkuatkuasa mulai 1 Julai 2020.

4. Majlis Sumber Manusia (MSM) dalam mesyuarat ke-50 pada 17 September 2020 bersetuju meluluskan cadangan penambahbaikan keputusan MSM ke-47 dengan **mengekalkan urusan kenaikan pangkat secara ffeksi ke Gred 44 mengikut tempoh enam (6) tahun dengan syarat-syarat tambahan.**

PELAKSANAAN

5. Proses pelaksanaan urusan kenaikan pangkat bagi Gred 44 adalah seperti berikut:

- i. Proses kenaikan pangkat bagi jawatan Gred 44 adalah kekal berdasarkan syarat kenaikan pangkat secara ffeksi mengikut tempoh enam (6) tahun dengan syarat-syarat tambahan seperti berikut:
 - a) Menjalani penilaian kompetensi dan justifikasi oleh Ketua Jabatan
 - b) Temubual berdasarkan teknik *Competency Based Interview* (CBI)
 - c) Syarat-syarat lain yang sedang berkuat kuasa dalam urusan kenaikan pangkat staf bukan akademik
- ii. Penyandang yang berjaya dinaikkan pangkat boleh dipindahkan ke PTJ yang bersesuaian.
- iii. Perluasan skop tugas perlu berlaku kepada penyandang yang dinaikkan pangkat.
- iv. Kenaikan pangkat ke Gred 48 dan 52 adalah kekal sebagaimana ketetapan mesyuarat MSM ke-47, iaitu memansuhkan tempoh perkhidmatan dan berdasarkan kepada kekosongan jawatan, penilaian kompetensi serta temu duga berasaskan kompetensi.
- v. Pindaan urusan kenaikan pangkat ini adalah tidak melibatkan Skim Perkhidmatan berikut:
 - a) Pegawai Farmasi
 - b) Pegawai Perubatan
 - c) Pegawai Pergigian
 - d) Pegawai Penyelidik

Laluan kerjaya bagi skim perkhidmatan tersebut kekal mengikut skim perkhidmatan masing-masing.

TARIKH DIKELUARKAN

6. Pekeliling ini dikeluarkan pada 16 Oktober 2020.

TARIKH KUATKUASA

7. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 17 September 2020.



ALFINA BAKAR, K.M.N
Pemangku Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan Fakulti
Semua Rektor UiTM Cawangan
Semua Ketua Skim Perkhidmatan

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No. Siri : 100-BPD(Bil. 36/2020)